



**Bil. Iklan : DBKU/2/2013**

## **DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (Jawatan Kosong)**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak, berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan-jawatan berikut:

### **Jawatan (1)**

- a) **Jawatan:** Juruaudit Gred W41 (1 kekosongan)  
b) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pengurusan Dan Profesional  
c) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Perkhidmatan Kewangan  
d) **Bahagian Yang Memerlukan:** Bahagian Audit

### **2. Jadual Gaji Juruaudit Gred W41:-**

| <b>Gaji Minimum</b> | <b>Gaji Maksimum</b> |
|---------------------|----------------------|
| P1T1 RM 1,924.18    | - 5,523.51           |
| P2T1 RM2,032.67     | - 5,839.53           |
| P3T1 RM2,145.88     | - 6,163.59           |

### **3. Skop Tugas Utama**

- Mengendalikan pelbagai jenis pengauditan yang diluluskan dalam Perancangan Audit Tahunan.
- Mengendalikan pelbagai jenis pengauditan khas seperti yang diarah dari semasa ke semasa.
- Mengendalikan pelbagai penyiasatan seperti yang diarah dari semasa ke semasa.
- Bertanggungjawab ke atas Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan dan Tadbir Urus.
- Mengendalikan dan bertanggungjawab ke atas Mesyuarat Jawatankuasa Audit.
- Mengurus dan menyelia segala urusan pentadbiran Bahagian Audit dalam seperti Perancangan Strategik, "Balance Scorecard" dan lain-lain.

### **4. Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T3); atau
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T8); atau
- Ahli Penuh Badan-badan Iktisias Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T8); atau
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Iktisias Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T9); atau
- Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T10);

### **5. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Juruaudit adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruaudit Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan 4 di atas; atau  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

### **Jawatan (2)**

- a) **Jawatan:** Jurutera Gred J41 (1 kekosongan)  
b) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pengurusan Dan Profesional  
c) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Perkhidmatan Kejuruteraan  
d) **Bahagian Yang Memerlukan:** Bahagian Penyelenggaraan Infrastruktur

### **2. Jadual Gaji Jurutera Gred J41:-**

| <b>Gaji Minimum</b> | <b>Gaji Maksimum</b> |
|---------------------|----------------------|
| P1T1 RM 2,359.72    | - 5,559.76           |
| P2T1 RM 2,468.21    | - 5,892.94           |
| P3T1 RM 2,581.43    | - 6,221.67           |

### **3. Skop Tugas Utama**

- Membantu mengurus kerja-kerja penyelenggaraan jalanraya dan perabot jalan.
- Membantu mengurus penyelenggaraan kerja-kerja kejuruteraan awam, lukisan rekabentuk dan penilaian data teknikal untuk spesifikasi tender iznialu.
- Membantu mengurus penyelenggaraan pembersihan sungai secara kontrak tahunan.
- Membantu mengurus secara am pentadbiran pejabat dan menjadi pegawai HR di Bahagian IMT.
- Pematuhan terhadap polisi, garispuanduan jabatan termasuk pengendalian Sistem Kualiti ISO 9001, EMS ISO 14001 dan OHSAS 18001.
- Menyemak data teknikal dan membuat perancangan kerja tapak berdasarkan Arahan Teknikal dan Spesifikasi Kerja.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa.

### **4. Syarat Lantikan**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

### **5. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Teknik bidang kejuruteraan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan 4 di atas; atau  
(ii) lulus Peperiksaan Badan Iktisias Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

### **Jawatan (3)**

- a) **Jawatan:** Arkitek Gred J41 (1 kekosongan)  
b) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pengurusan Dan Profesional  
c) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Perkhidmatan Kejuruteraan  
d) **Bahagian Yang Memerlukan:** Bahagian Bangunan

### **2. Jadual Gaji Arkitek Gred J41:-**

| <b>Gaji Minimum</b> | <b>Gaji Maksimum</b> |
|---------------------|----------------------|
| P1T1 RM 2,359.72    | - 5,559.76           |
| P2T1 RM2,468.21     | - 5,892.94           |
| P3T1 RM2,581.43     | - 6,221.67           |

### **3. Skop Tugas Utama**

- Menyediakan ringkasan projek dan konsep rekabentuk bangunan bagi projek-projek DBKU.
- Menyediakan permohonan bagi pelantikan konsultan dan permohonan bagi kelulusan Majlis Perancang Negeri, Jabatan Tanah dan Survei serta agensi lain.
- Menyediakan pelan rekabentuk dan dokumen tender.
- Menyelia dan mengawas pengurusan kontrak.

### **4. Syarat Lantikan:**

- Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred J41:P1T3);

### **5. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Teknik bidang seni bina adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Arkitek J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan 4 di atas; atau  
(ii) lulus Peperiksaan Badan Iktisias Bahagian I dan II anjuran Lembaga Arkitek Malaysia/Persatuan Arkitek Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

### **Taraf Semua Jawatan : Kontrak**

\* Selain dari syarat-syarat lantikan di atas, calon-calon juga DIMESTIKAN lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **Cara Memohon:**

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut hendaklah menghantar permohonan dengan menulis surat yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Dewan Bandaraya Kuching Utara  
Tingkat 3, Bangunan DBKU  
Bukit Siol, Jalan Semariang  
Petra Jaya, 93050 Kuching**

Pemohon daripada kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

- Laporan Sulit
- Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- Salinan Kenyataan Perkhidmatan

**Tarikh Tutup Permohonan : 20 Mac 2013**

### **Catatan Am:**

- Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- Hanya calon-calon yang layak selepas disenaraitapis sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.